

41 anak yatim warga UNISSA terima sumbangan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali menyerahkan sumbangan secara pandu lalu bagi anak-anak yatim bagi warga UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Penyerahan Derma Anak-anak Yatim bagi Warga UNISSA. melalui Hal Ehwal Pelajar Aktiviti yang berkebajikan ini

adalah merupakan acara tahunan UNISSA dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan, di samping program-program Ihya Ramadan yang dijalankan sebelum ini, seperti Majlis Khatam Al-Quran secara dalam talian dan Sambutan Nuzul Al-Quran.

Majlis yang diadakan ini bertujuan untuk meraih keberkatan dengan menggandakan amal ibadat pada bulan yang mulia ini serta untuk mengembirakan hati anak-anak yatim, khususnya daripada anak-anak warga UNISSA, termasuk pelajar-pelajar dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan datang ini.

Pada tahun ini, seramai 41 anak yatim menerima sumbangan tersebut dengan penyerahannya menggunakan kaedah pandu lalu (*drive-thru*) yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Adapun kaedah berkenaan adalah bagi mengurangkan risiko terkena jangkitan COVID-19 dan mengelakkan kesesakan dan perhimpunan beramai-ramai, sebagaimana disarankan oleh pihak kerajaan.

Turut hadir, Dekan Pelajar selaku Pengerusi Majlis Program Ihya Ramadhan UNISSA, Dr. Supri bin Haji Sudin.

15 anak yatim Kampung Jerudong 'B' terima sumbangan



PEMANGKU Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang menyampaikan sumbangan secara pandu lalu kepada anak-anak yatim bagi Kampung Jerudong 'B'.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Jumaat, 22 Mei. - Kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim di negara ini tidak pernah dilupakan oleh pelbagai pihak dan para dermawan yang terus menghulurkan derma dan bantuan bagi mereka yang memerlukan.

Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'B', (MPKJB) dengan kerjasama Kumpulan Old Skol 80-an mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim bagi Kampung Jerudong 'B'.

Seramai 15 anak yatim menerima derma yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang serta Penasihat MPKJB, Awang Abd. Hamid bin Abas dan para wakil dari Kumpulan Old Skol 80-an.

Acara seumpamanya adalah sebahagian daripada aktiviti kebajikan MPKJB dan kumpulan tersebut sepanjang bulan Ramadan.

Majlis tersebut dibuat secara pandu lalu yang berlangsung di rumah Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B'.

PENYAMPAIAN sumbangan secara pandu lalu kepada anak-anak yatim Kampung Jerudong 'B'.

كمنترين كصباحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam

batuk

selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn | f | i | ©123

Bantu kesan Kasturi

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon bantuan dan kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan, Kasturi, lelaki, berumur 33 tahun, pemegang pasport B7658790, warganegara Indonesia.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



KASTURI, 33 tahun.